



KENYATAAN MEDIA
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
YB DATO' HJ SALAHUDDIN BIN AYUB
BERHUBUNG BEKALAN BAHAN MAKANAN
SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2019

1. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berkerjasama erat dalam memastikan bekalan mencukupi dan harga bahan makanan berpatutan sepanjang musim perayaan.
2. Bekalan bahan makanan utama seperti daging, ayam, telur, ikan, kelapa, sayur-sayuran dan buah-buahan sentiasa mencukupi untuk memenuhi keperluan pengguna sepanjang musim perayaan.
3. Bagi membantu rakyat mendapatkan bekalan makanan pada harga yang berpatutan, MOA akan menganjurkan jualan Jimat Belanja Aidilfitri@Pasar Tani lima (5) hari sebelum Hari Raya Aidilfitri di beberapa Pasar Tani terpilih seluruh negara. Pelbagai bahan makanan akan dijual pada harga lebih murah daripada harga pasaran setempat.
4. Selain itu, bekalan makanan juga boleh diperolehi melalui outlet pemasaran sedia ada di bawah MOA seperti Pasar Tani, MyFarm Outlet, Pasar Komuniti (PAKAR), Agrobazaar Rakyat, My Best Buy, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Gerai Buah-buahan Segar (GBBS) dan Pasar Nelayan.
5. Pada ketika ini, anggaran jumlah bekalan dan pengeluaran bahan-bahan utama makanan bagi tempoh **sebulan** adalah seperti berikut:
 - Daging lembu dan kerbau (tempatan dan import) sebanyak **24,000** metrik tan;
 - Ayam (tempatan) sebanyak **142,000** metrik tan;
 - Telur ayam sebanyak **800** juta biji;
 - Ikan (pelbagai spesis) sebanyak **20,000** metrik tan;
 - Ikan Segar Beku QFish (pelbagai spesis) sebanyak **145** metrik tan;

- Kobis bulat sebanyak **9,200** metrik tan; dan
- Kelapa biji sebanyak **28,600,000** biji.

YB DATO' HJ SALAHUDDIN BIN AYUB
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
15 Mei 2019

MAKLUMAT TAMBAHAN

**BEKALAN BAHAN MAKANAN
SEMPENA SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2019**

BIL.	KOMODITI AGROMAKANAN	BEKALAN
1.	Ayam hidup	142,000 MT
2.	Telur ayam Gred A, B dan C	800,000,000 biji
3.	Daging lembu tempatan termasuk kerbau	9,000 MT
4.	Daging lembu import termasuk kerbau	15,000 MT
5.	Kubis bulat	9,200 MT
6.	Tomato	22,600 MT
7.	Kelapa biji	28,600,000 biji
8.	Bawang merah kecil import	3,700 MT
9.	Bawang besar import	43,000 MT
10.	Bawang putih import	17,500 MT
11.	Ubi kentang import	4,500 MT
12.	Ikan kembung	4,500 MT
13.	Ikan selayang	7,000 MT
14.	Ikan aya atau tongkol	8,000 MT

15.	Ikan demuduk atau sagai atau cermin atau cupak	500 MT
16.	Ikan Segar Beku QFish	145 MT

**MAKLUMAT SENARAI CADANGAN
BARANGAN HARGA KAWALAN SHMMP HRP 2019 OLEH
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA (KPDNHEP)**

BIL.	KOMODITI AGROMAKANAN
1.	Ayam hidup
2.	Ayam Standard (disembelih dan dibersihkan beserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya)
3.	Ayam Super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hatidanhempedal)
4.	Telur ayam Gred A (berat antara 65.0 gram hingga 69.9 gram sebiji)
5.	Telur ayam Gred B (berat antara 60.0 gram hingga 64.9 gram sebiji)
6.	Telur ayam Gred C (berat antara 55.0 gram hingga 59.9 gram sebiji)
7.	Daging lembu tempatan (dikawal di Semenanjung sahaja)
8.	Daging lembu import (dikawal di Sarawak sahaja)
9.	Daging kerbau import (India)
10.	Kubis bulat import (Indonesia dan China tidak termasuk kubis Beijing)
11.	Tomato
12.	Kelapa biji (dikawal di peringkat borong sahaja)
13.	Kelapa parut (dikawal di peringkat runcit sahaja)

14.	Bawang merah keci I(India)
15.	Bawang besar import
16.	Bawang putih(China)
17.	Ubi kentang import (China)
18.	Ikan kembung termasuk ikan mabung(berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram)
19.	Ikan selayang (berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram)
20.	Ikan aya atau tongkol (berat antara 1 ekor hingga 2 ekor setiap kilogram) (dikawal di Pahang, Terengganu dan Kelantan sahaja)
21	Ikan demuduk atau sagai atau cermin atau cupak (berat antara 3 ekor hingga 5 ekor setiap kilogram) (dikawal di Sabah sahaja)
22	Ikan Segar Beku QFish

**SENARAI PASAR TANI PROGRAM JIMAT BELANJA AIDIL FITRI 2019
DI BAWAH FAMA**

BIL	NEGERI	PASAR TANI	HARI OPERASI	MASA	LOKASI	TARIKH PELANCARAN
1	Perlis	Taman Sena Indah	Sabtu	7.30pg-1.00ptg	Dataran Jubli Emas, Kangar	1.6.2019
2	Kedah	Taman Wira	Ahad	7.00pg-12.00tgh	Tapak Medan Selera, Tmn Wira, Mergong	2.6.2019
3	Pulau Pinang	Tasek Gelugor	Ahad	7.00pg-1.00ptg	Jalan Permatang Manggis Tasek Gelugor	2.6.2019
4	Perak	Masjid Sultan Nazrin Muizzuddin Shah (Nama Lama Masjid Tapah)	Ahad	7.00pg-12.00tgh	Masjid Daerah Tapah	2.6.2019
5	Selangor	Stadium 1 Shah Alam	Ahad	7.00pg-12.00tgh	Tapak Parkir Stadium Shah Alam	26.5.2019
6	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Sabtu	7.00 pg-12 tgh	Jln. Bahau, K.Pilah	1.6.2019
7	Melaka	Merlimau	Ahad	7.00pg-12.00tgh	Berhampiran perhentian bas Merlimau	2.6.2019
8	Johor	Datin Halimah	Sabtu	7.00pg-12.30tgh	Jalan Datin Halimah (Jalan Padu) Uda Johor Bahru	1.6.2019
9	Kelantan	Machang	Jumaat	7.00pg-1.00ptg	Jalan Pejabat Machang	31.5.2019

10	Pahang	UTC Kuantan	Ahad	7.00pg- 1.00ptg	Tapak Parking UTC Pahang	2.6.2019
11	Terengganu	Masjid Tengku Ampuan Intan Zaharah, Dungun	Jumaat	7.30pg- 1.00ptg	Perkarangan Masjid Tengku Ampuan Intan Zaharah	31.5.2019
12	Sabah	Papar	Sabtu	7.00pg- 1.00ptg	Tempat letak kereta Dewan Serbaguna Papar	3.6.2019
13	Sarawak	Satok, Sarawak	Isnin	7.00pg- 10.00mlm	Medan Niaga Satok, Sarawak	3.6.2019
14	WP Kuala Lumpur	Bukit Angkasa	Ahad	7.00pg- 12.00tgh	Belakang Angkasa Puri Pantai Dalam, Kerinci	2.6.2019

Nota:

Program Jimat Belanja Aidilfitri @ Pasar Tani Peringkat Kebangsaan akan dirasmikan oleh YB Dato' Hj Salahudin bin Ayub, Menteri Pertanian Industri Asas Tani pada 2 Jun 2019 bertempat di Tapak Pasar Tani Belakang Angkasa Puri Pantai Dalam, Kerinci.